

PROGRAM SUBJECT MATTER EXPERT EXCHANGE (SMEE) RMAF - INDIAN AIR FORCE (IAF) DI KOLEJ TENTERA UDARA

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4507-program-subject-matter-expert-exchange-smee-rmaf-indian-air-force-iaf-di-kolej-tentera-udara

ALOR SETAR, 13 Feb 19 - Kolej Tentera Udara telah menerima kunjungan dari Indian Air Force (IAF) yang di ketuai Gp Capt Ankush Joshy (Ketua Delegasi), Wg Cdr Sumit Sharma dan Sqn Ldr Amit Badyal. Ketibaan delegasi Indian Air Force (IAF) telah di sambut oleh Komandan Kolej Tentera Udara, Brig Jen Dato' Johnny Loh Kok Kong TUDM. Turut diadakan sesi penyampaian cendera kenangan di antara Kolej Tentera Udara dan IAF yang berlangsung di bilik Komandan KTU. Lawatan ini bersempena Program 'Subject Matter Expert Exchange' (SMEE) RMAF - IAF.

Dalam rangka lawatan ini para delegasi telah diberikan taklimat ringkas berkenaan pengoperasian Kolej Tentera Udara yang disampaikan oleh Pegawai Laksana Kolej, Kol Omar bin Hj Dawami TUDM.

Seterusnya, delegasi IAF telah dibawa melawat ke INSPEN 1 dan INSPEN 2 dan kesempatan untuk menyaksikan pameran statik pesawat PC 7 Mk II dan helikopter EC 120 B serta pusat simulator FTD.





